

Kuala Lumpur

Metro Ahad  
29/8/2022  
Ms : 4

Tanpa disedari, penyeludupan dan pemer dagangan haram pelbagai spesies kura-kura terutama di Asia mendatangkan keuntungan berpuluhan juta dolar Amerika Syarikat setahun kepada rangkaian sindiket antarabangsa.

Siasatan Suruhanjaya Ke adilan Hidupan Liar (WJC) mendapati penyeludupan reptilia itu masih tertumpu di sekitar Asia Tenggara selain turut diseludup ke pasaran gelap Eropah.

Berdasarkan siasatan dilakukan, perdagangan penyeludupan kura-kura haram ini bertitik tolak aktiviti penyeludupan keluar haiwan itu berasal dari India, Sri Lanka, Pakistan dan Madagascar.

Malah, WJC sebelum ini mengenal pasti lapan rangkaian jenayah penyeludupan kura-kura yang beroperasi di seluruh India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Malaysia dan Thailand.

Kebiasaanaiya haiwan ini akan melalui transit sama ada di Malaysia, Thailand atau Vietnam sebelum dihantar kepada pembeli sebenar di China dan Hong Kong.

Berdasarkan siasatan, spesis kura-kura *Indian star tortoise* dan *black spotted turtle* berkedudukan teratas dan paling popular dijual di pasaran gelap dunia.

Kura-kura ini yang mempunyai corak bintang dan tumpok hitam pada cengkerang didakwa semakin pupus kesan penyeludupan aktif dilaku-

# SINDIKET UNTUNG PULUHAN JUTA DOLAR

kan.

Selain itu spesies kura-kura *Madagascar* atau *radiated tortoises* turut menjadi buruan sindiket penyeludupan apabila beribu ekor haiwan turut diseludup ke luar dari negara asal.

Sindiket tidak hanya melakukan penyeludupan menggunakan perkhidmatan penerbangan awam malah turut menggunakan bot serta laluau laut untuk memindahkan kura-kura berkenaan.

Ita terbukti apabila lapanan terbang di bandar Chennai selatan India pernah menjadi hab penyeludupan kura-kura selain bandar di barat laut Kalpitiya, Sri Lanka yang terkenal dengan aktiviti penyeludupan kura-kura untuk tujuan perdagangan haiwan peliharaan haram global.

Menurutnya, sempena sambutan Hari Penyu dan Kura-Kura Sedunia yang disambut pada 23 Mei setiap tahun, pihaknya berusaha memupuk kesedaran awam dalam melindungi spesies penyu dan kura-kura yang sangat unik.

"Ini termasuk spesies tuntung laut dan tuntung sungai yang boleh dijumpai di Semenanjung Mala ysia.

"Selagi masih ada ada perminta-

lian di Sri Lanka semakin meningkat.


Haiwan ini dilindungi dan dikategorikan dalam jadual pertama Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES) serta di haramkan untuk diperdagangkan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya turut aktif memerangi aktiviti penyeludupan kura-kura untuk tujuan perdagangan haiwan peliharaan haram global.

Menurutnya, sempena sambutan Hari Penyu dan Kura-Kura Sedunia yang disambut pada 23 Mei setiap tahun, pihaknya berusaha memupuk kesedaran awam dalam melindungi spesies penyu dan kura-kura yang sangat unik.

"Ini termasuk spesies tuntung laut dan tuntung sungai yang boleh dijumpai di Semenanjung Mala ysia.

"Selagi masih ada ada perminta-



INFOGRAFIK | Metro

taan untuk kura-kura, akan sentiasa ada pasaran gelap yang mendorong pemburu

haram mengambil risiko mengumpul mengumpul haiwan

itu dari habitat liar. "Masyarakat perlu disedarkan bahawa spesies kura-kura semakin terancam dan berdepan kepupusan disebabkan oleh aktiviti penyeludupan," katanya.



BLACK spotted turtle juga paling popular dijual di pasaran gelap dunia.

SPESIES kura-kura *Indian star tortoise* yang paling banyak diseludup dan dijual di pasaran gelap.